



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- Penduduk terkilan, JMB lepas tangan

47



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Penduduk terkilan, JMB lepas tangan
Muka Surat	47

UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my



PENDUDUK menyediakan tong air bagi menghadapi gangguan sekiranya bekalan air mereka dipotong.

Bekalan air dipotong, tunggakan cecah RM130,000

Penduduk terkilan, JMB lepas tangan



Oleh NUR IZZATI IZZAH NADZI
kota@utusan.com.my

■ AMPANG JAYA 14 FEB.

PENDUDUK rumah kedai di Taman Seri Bayu, Kampung Tasek Tambahan, Ampang dekat sini baru-baru ini dikejutkan dengan pemotongan bekalan air serta-merta tanpa sebarang notis. Tindakan itu menyebabkan kira-kira 800 penduduk di kediaman itu terputus bekalan air kerana tidak sempat menadahkan dan menyimpan air.

Penduduk mendakwa, pemotongan bekalan air oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) itu dilakukan pada pukul 11 pagi 24 Januari lalu namun notis mengenainya hanya dikeluarkan oleh pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) selepas pukul 5 petang.

Seorang penduduk yang mahu dikenali sebagai Leo, 50, berkata, dia menyedari kehadiran kakitangan Syabas di kawasan itu namun menyangka mereka hanya membuat pemeriksaan biasa.

"Saya terus menghubungi



PENDUDUK terpaksa membuat sendiri sahan kumbahan kerana tiada kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan JMB lama.

pihak JMB untuk mendapatkan kepastian namun mereka sendiri tidak tahu apa-apa mengenainya.

"Selepas pemeriksaan lanjut dilakukan barulah mereka sedar bahawa bekalan air sudah dipotong kerana tunggakan yang tinggi.

"Kami sangat kecewa kerana pihak JMB seperti lepas tangan dan tidak memaklumkan masalah tunggakan kepada penduduk," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurutnya, tunggakan terkumpul bil Syabas setakat ini berjumlah RM130,000 manakala bayaran minimum yang perlu dijelaskan adalah RM17,000.

"Kami terkejut apabila diberitahu sedemikian kerana kami tidak pernah terlepas membuat bayaran bil air menggunakan meter pukal malah masih menyimpan resit yang dibayar sejak dulu lagi," katanya.

Sehubungan itu, katanya, pada pagi 25 Januari lalu, JMB

UTUSAN MALAYSIA • JUMAAT 15 FEBRUAR



WAKIL JMB yang baharu membuka kaunter kutipan bayaran bil air dan penyelenggaraan di sebuah restoran di Taman Seri Bayu, Ampang, Selangor.



PAIP utama dikunci oleh Syarikat Bekalan Air Selangor pada Khamis lalu.

telah membuat kutipan bayaran bil air yang tertunggak namun pihak JMB tidak mengemukakan bil air yang baharu dan memaksa penduduk membayar bil yang telah dibayar sebelum ini.

"Lebih menyakitkan hati apabila bil yang telah dibayar kepada JMB lama kini perlu dibayar semula kepada JMB baharu," katanya.

Selain itu JMB juga memaksa penduduk membayar bil cukai pintu dan cukai petak yang sepatutnya dibayar kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan pejabat tanah," katanya.

Pesara, Samilah Ahmad, 61, pula berkata, dia tidak menyangka pihak JMB terdahulu yang diuruskan oleh pemaui bangunan berkenaan tidak menjelaskan bayaran kepada Syabas walaupun kutipan dilakukan sejak 25 tahun lalu.

"Jelas sekali penduduk di sini telah ditipu dalam kes ini. Walaupun yuran sebanyak RM30 sebulan dikutip, tiada sebarang kerja penyelenggaraan dilakukan," ujarnya.

Lebih menyedihkan katanya, keadaan persekitaran lot rumah kedai itu sangat kotor dan tidak terjaga ekoran sikap tidak bertanggungjawab 70 peratus warga Indonesia, Rohingya dan Bangladesh yang mendiami bangunan itu.